# PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN (PKPB)

## Merangkumi

Semua firma guaman

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi dan Waktu Kehadiran Pelanggan** | **Waktu operasi biasa** | **Kapasiti Pekerja** | **Kehadiran pada tahap optimum** |

## Aktiviti yang tidak dibenarkan

Aktiviti yang disenaraikan dalam aktiviti yang tidak dibenarkan

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 P.U.(A) 9/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pindaan kepada *Bar Circular* | • Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak hendaklah mengemaskini *Bar Circular* yang telah dikeluarkan sepanjang tempoh penguatkuasaan perintah berhubung kawalan pergerakan. |
| Kehadiran pekerja ke premis firma guaman | • Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.<br>• Tidak membenarkan pekerja yang mempunyai gejala atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celcius untuk masuk ke premis dan perlu mendapat rawatan di fasiliti kesihatan. |
| Aplikasi MySejahtera | • Pemilik firma guaman diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pekerja dan pelanggan/ anak guam yang memasuki premis.<br>• Memastikan kehadiran pekerja direkodkan melalui aplikasi MySejahtera.<br>• Memastikan pelanggan/anak guam melalui proses rekod kehadiran secara manual (maklumat nama, nombor telefon, waktu masuk dan keluar dan catatan urusan) sekiranya tidak menggunakan aplikasi MySejahtera. |

# PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN (PKPB)

## Merangkumi

Semua firma guaman

## Aktiviti yang tidak dibenarkan

Aktiviti yang disenaraikan dalam aktiviti yang tidak dibenarkan

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 P.U.(A) 9/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa

**Waktu Beroperasi dan Waktu Kehadiran Pelanggan**: **Waktu operasi biasa**

**Kapasiti Pekerja**: **Kehadiran pada tahap optimum**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Perjumpaan / transaksi dengan anak guam dalam premis firma guaman | • Kehadiran anak guam dihadkan dan suhu badan perlu diambil.<br>• Anak guam yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celcius tidak dibenarkan masuk premis dan dinasihatkan mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.<br>• Digalakkan untuk mengadakan perjumpaan secara maya (*virtual*) bersama anak guam. |
| Penjarakan fizikal | • Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis. |
| Amalan kebersihan tangan yang kerap | • Amalan kebersihan tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer*. |
| Penggunaan pelitup muka (*face mask*) | • Setiap kakitangan yang berurusan dengan pelanggan/anak guam hendaklah memakai pelitup muka (*face mask*). |
| Notis langkah kesihatan awam | • Menyediakan notis berhubung dengan penjarakan fizikal, amalan kebersihan tangan yang kerap, penggunaan *hand sanitizer, face mask* dan sebagainya yang diletakkan di pintu masuk firma guaman. |
| Pembersihan dan nyah kuman | • Disesuaikan berdasarkan Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi Di Tempat Awam yang telah disediakan oleh KKM. |